

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 17 August 1968 > Page 1 > Hukuman gantung di-tanggohkan

Hukuman gantung di-tanggohkan

Berita Harian, 17 August 1968, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL5513

Add to Citation

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

Hukuman

gantong

di-tanggohkan

NASIB 13 PEMUDA

AKAN KA-PARLIMEN

Oleh

Pemberita2 B.H.

K. LUMPUR, Juma'at

PELAKSANAAN hukuman gantung ka-atas 11 orang pemuda yang bershubahat dengan pencheroboh2 Indonesia waktu konfrantasi dulu telah di-tanggohkan hari ini.

Keputusan ini di-ambil oleh Lembaga Pengampunan Johor yang bersidang khas pagi ini atas perintah Sultan Johor sa-lepas Baginda menerima sa-puchok surat dari Perdana

Information



Newspaper:
Berita Harian

Date:
17 August 1968

Reel Number:
NL5513

Scroll to Top

Share




Table of Contents

Previous

Page 1

Next

Nama Akhbar

BERITA HARIAN NASKHAH MALAYSIA No. 4343
SABTU. 17 OCOS. 1968 23 JAMADIL-AWAL, 1388.

Hukuman gantung di-tanggohkan

Hukuman gantung di-tanggohkan NASIB 13 PEMUDA
AKAN KA-PA RLIMEN Oleh Pemberita2 B.H. K.

13 orang di-da'awa atas tudohan merusoh

13 orang di-da'awa atas tudohan merusoh TyUALA
LUMPUR. Jumaat. Seramai 13 orang pemuda China

View Full Table of Contents

Menteri, Tengku Abdul Rahman.

Surat itu di-sampaikan oleh Menteri Kehakiman, Enche Bahaman bin Shamsuddin yang tiba di-Johor Baharu malam tadi dan ikut hadir dalam sidang khas itu mulai jam 9 pagi tadi.

Arahan ka-penjara

Perintah menangguh pelaksanaan hukuman gantung itu kemudian segera di-sampaikan kepada pehak berkuasa Penjara Pudu, tempat pemuda2 itu sedang di-tahan.

Pengumuman mengenai-nya kemudian dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tengku Abdul Rahman kemudian berkata ia tidak menyatakan apa2 lebeh lanjut sekarang, tetapi menyeru semua pehak supaya bertenang.

Juga turut sama dalam meshuarat Lembaga itu ia-lah Peguam Negara, Tan Sri Abdul

Kadir bin Yusoff.

Tan Sri Kadir sehingga semalam berada di-Sabah tetapi beliau telah di-panggil pulang untuk menghadiri meshuarat pagi ini.

Setiausaha Agong Parti Gerakan Ra'ayat Malaysia Dr. Tan Chee Khoo dalam satu kenyataan mengalu2kan putusan itu berkata.

"Sekali lagi dengan perasaan kema'anusiaan dan murah hati-nya, Tengku telah menunjukkan bahawa ia ia-lah benar2 Bapa Malaysia.

Pujian Tan

"Hanya orang yang mempunyai kalibar seperti Tengku sahaja dapat menyambut rayuan2 pengampunan dari seluruh negara dan juga dunia luar.

"Saya juga mengucapkan setinggi2 terima kasih kepada Baginda Sultan Johor dan anggota2 Lembaga Pengampunan kerana mereka juga patut menerima ucapan terima kasih itu.

"Dengan penangguhan hukum ini maka dapatlah Parlimen membahaskan perkara ini minggu depan dan marilah kita berharap dan berdo'a agar Parlimen akan mengundi mengampunkan pemuda2 ini."

Dr. B Tan menambah

dan beliau menerima 9 jawapan kepada rayuan2 memohon keampunan mereka ini lima dari Malaysia Timor dan empat dari Malaysia Barat. Semua-nya menyokong rayuan beliau itu.

"Apabila perkara ini di-bentangkan dalam Parlimen, saya yakin

dan berdo'a agar tiap2 anggota dewan di-benar-mengundi sa-chara bebas.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan2 Sa-Kerja Malaysia (MTUC) yang mempunyai ahli saramai 300,000 orang itu, S. J. H. Zaidi juga turut mengalu2kan pengumuman tersebut.

Beliau berkata: "Langkah ini akan mengharumkan lagi nama Malaysia kepada dunia luar terutama sekali negara2 daerah ini. Kami sangat berterima kaseh kepada Tengku."

Sementara itu, DAP pula berkata bahawa semua penduduk negeri ini dari semua bangsa sekarang merasa lega sekali dengan keputusan menangohkan hukuman itu.

Merayu lagi

Presiden Parti Progressif Ra'ayat (PPP), Enche D. R. Seenivasagam berkata bahawa walau pun hukum mati itu ditanggohkan tetapi peluang pemuda2 itu diampunkan ada-lah besar.

"Saya yakin mereka akan" di-ampunkan," kata-nya.

Enche Seenivasagam menyatakan bahawa ia akan meminta izin untuk mengemukakan satu rang undang2 mengenai 13 orang pemuda ini dalam sidang Parlimen mulai hari isnin ini

Yang Di-Pertua Dewan Ra'ayat, Dato C.M. Yusoff telah menerima usul tersebut dari Enche Seenivasagam.

Usul beliau itu menyeru Dewan supaya mengantikan hukuman mati keatas orang2 yang di-hukum mati berthabit dengan kesalahan2 di-bawah Undang2 Keselamatan Dalam Negeri semasa konfrantasi kepada hukuman penjara.

Usu itu akan di-bentangkan sa-lepas Parli-men habis membahathkan perkara2 lain dahulu. Sementara itu, keadaan di-Penjara Pudu sudah dapat di-kawal. Jalan di-hadapan penjara itu, Jalan Shaw yang di-tutup untuk semua lalu lintas semalam telah di-buka semula sa-belum pukul 1 tengah hari ini.

Beliau telah membuat rayuan kepada Majlis Privy mengenai dua orang pemuda Melayu yang di-hukum mati di-Perak.

Puleh balek

Tidak ada lagi orang ramai behimpun di-hadapan penjara itu saper-ti dua tiga hari lalu. Yang kelihatan hanya saudara mara pemuda2 yang di-hukum itu.

Dari **JOHOR BAHARU**, wakil kita melaporkan:

Antara yang mula tiba untuk sidang khas Lembaga Pengamponan Johor ia-lah Tan Sri Kadir Yusof.

Beliau terus ka-rumah Menteri Besar, Dato Haji Othman Saat.

Sidang itu di-hadhiri oleh semua anggota2 Lembaga itu. Setelah ber-sidang selama satu jam, ahli2 Lembaga itu ka-Istana mengadap Sultan.

Mereka berada di-Istana selama dua jam.

Enche Sim Teow Gok, peguam bagi 4 dari 11 pemuda itu yang menung-gu di-lyar istana, kemudia berkata:

"Semua nampak-nya riang pagi ini. Nampak-nya ada harapan bagi 11 orang itu.

Ahli2 Lembaga itu ia-lah: Dato Haji Othman Saat; Dato Wong Shee Fun, Haji Anuar bin Abdul Malik dan Dr. N. K. Sharma.





TENGGU . . . benar2 Bapa Malaysia berkalibar



SULTAN . . . terima kaseh daripada semua pehak



Related Articles

No related article found.

